

Hubungan Gaya Pembelajaran dan Motivasi Dalam Kursus EC501 – Embedded Application System

Zunainah Binti Hamid^{1,a}, Siti Farah Binti Hussin^{2,b}, dan Mohd Azral Bin Fauzi^{3,c}

^{1,2,3}Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah, Kulim, Kedah

^azunainah.poli@1govuc.gov.my, ^bfarah.hussin.poli@1govuc.gov.my,
^cazral.poli@1govuc.gov.my

Abstrak. Pada masa kini, sistem pendidikan di negara kita banyak diterapkan dengan pelbagai rangsangan dan kaedah serta pendedahan untuk peningkatan perkembangan pembelajaran pelajar. Setiap pelajar bertindak balas dengan cara pembelajaran yang berlainan untuk meningkatkan daya pembelajaran mereka. Perkara ini juga sering menjadi panduan dan dorongan kepada pelajar untuk menentukan pencapaian mereka dalam sistem pembelajaran mereka. Kajian ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti hubungan gaya pembelajaran dan motivasi pelajar dalam kursus EC501 di Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah yang mengikuti kurikulum baharu berasaskan hasil pembelajaran atau OBE (Outcome Based Education). Seramai 130 orang pelajar, semester 5 Diploma Kejuruteraan Elektrik (Telekomunikasi) yang mengambil kursus EC501 terlibat dalam kajian ini. Kajian ini merupakan kajian tinjauan dan data dikumpul melalui borang soal selidik yang mengandungi 57 item untuk mengukur hubungan gaya pembelajaran dan motivasi pelajar. Data kajian dianalisis secara deskriptif dan inferensi dengan menggunakan perisian IBM SPSS Statistical version 19.0. Hasil analisis deskriptif mendapati bahawa kebanyakan pelajar mengamalkan keempat-empat gaya pembelajaran iaitu gaya pembelajaran permukaan, mendalam, terancang dan gaya pembelajaran gigih usaha. Bagi faktor motivasi, didapati nilai motivasi dalaman lebih tinggi berbanding motivasi luaran. Analisis kajian turut menemukan hubungan yang signifikan di antara gaya pembelajaran dan motivasi. Hasil analisis korelasi mendapati terdapat korelasi positif yang sederhana antara gaya pembelajaran mendalam dan motivasi dalaman, $r = 0.40$ dan hubungan gaya pembelajaran mendalam dan motivasi luaran, $r = 0.35$.

Kata kunci: gaya pembelajaran, motivasi, pencapaian pelajar, embedded application system

Pengenalan

Kursus EC501 - Embedded Application System merupakan kursus teras yang diwajibkan kepada semua pelajar semester lima yang mengikuti program Diploma Kejuruteraan Elektrik. Diakhir kursus ini pelajar dapat mencapai pengetahuan, kemahiran amali, berfikir secara kritikal dan berdasarkan penyelesaian masalah. Mulai Sesi Jun 2010, Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (kini di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia) telah mengorak langkah memperkenalkan kurikulum berasaskan kepada hasil pembelajaran atau Outcome Based Education (OBE) yang menekankan hasil pembelajaran berorientasikan pelajar. Melalui penerapan konsep pengajaran dan pembelajaran OBE di seluruh Politeknik Malaysia diharapkan graduan yang dihasilkan kelak adalah selaras dengan kehendak dan keperluan negara setanding dengan graduan-graduan daripada institusi pengajian tinggi yang lain. Namun dalam keghairahan para pensyarah melaksanakan kurikulum berasaskan OBE ini, faktor-faktor lain yang seperti minat dan sikap individu pelajar juga diambilkira bagi mengukur pencapaian sebenar pelajar tersebut.

Di Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah, Embedded Application System merupakan kursus dimana setiap semester peratus kegagalan bagi kursus tersebut amatlah membimbangkan. Seringkali tersengar keluhan daripada pensyarah mengenai tahap penguasaan pelajar yang lemah. Pelajar beranggapan bahawa kursus tersebut merupakan kursus yang agak sukar untuk dikuasai. Terdapat pelajar yang menunjukkan pencapaian yang baik dan ada pula yang terus tercicir dalam menguasai kursus ini walaupun pelbagai kaedah pengajaran diperkenalkan oleh pensyarah kepada pelajar-pelajar berkenaan.

Penyataan Masalah


Pencapaian pelajar yang rendah dan kelemahan dalam kursus Embedded Application System haruslah ditangani dan diambil perhatian dengan lebih teliti. Ini adalah kerana, kelemahan di dalam kursus ini akan menjejaskan pembelajaran pelajar terutamanya semasa menghadapi projek di semester 5 dan 6. Kelemahan dalam kursus ini boleh mengakibatkan pelajar gagal untuk menjalankan kerja kursus Projek 1 dan 2 dengan baik dan sekaligus kurangnya peluang untuk mendapat pekerjaan kelak. Oleh yang demikian, adalah penting pelbagai cara digunakan untuk meningkatkan pencapaian pelajar dalam kursus ini. Salah satu cara tersebut adalah melalui strategi pendekatan pembelajaran atau pun gaya pembelajaran pelajar. Pelbagai kajian telah dijalankan berkaitan gaya pembelajaran pelajar. Antaranya adalah kajian yang dijalankan oleh [1] untuk menentukan hubungan pencapaian penyelesaian matematik dengan gaya belajar pelajar. Dalam kajian berkenaan dapatan menunjukkan gaya belajar mempengaruhi pencapaian penyelesaian matematik pelajar. Pensyarah seharusnya mengambil berat tentang cara seseorang pelajar itu belajar. Namun begitu, apa yang berlaku semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung pensyarah kurang peka dan kurang memberi penekanan tentang gaya pembelajaran yang sesuai dan patut digunakan oleh pelajar berkenaan. Setiap pelajar mempunyai gaya pembelajaran yang berbeza diantara satu sama lain.

Oleh yang demikian, adalah penting seseorang pensyarah mengenalpasti gaya pembelajaran pelajar serta membantu mereka supaya mengamalkan gaya pembelajaran yang dapat

meningkatkan pencapaian mereka. Selain daripada itu, kajian yang dijalankan oleh [2] untuk mengenalpasti punca prestasi pembelajaran yang lemah di kalangan pelajar mendapati bahawa salah satu punca adalah faktor teknik belajar. Dalam kajian tersebut didapati cara pembelajaran yang tidak konsisten dan tiada inisiatif untuk berusaha sendiri dengan mencari bahan rujukan di perpustakaan merupakan faktor yang menjejaskan prestasi pembelajaran. Oleh kerana gaya pembelajaran turut memainkan peranan penting dalam pencapaian pelajar, maka satu kajian berkaitan gaya pembelajaran haruslah dibuat untuk melihat sejauh manakah ia mempengaruhi pencapaian pelajar dalam kursus embedded application system di Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah.

Kerangka Konseptual

[3] telah mengkaji kebolehan kognitif, pengetahuan yang lepas dan gaya pembelajaran memberi kesan terhadap pencapaian pelajar. Hasil kajian tersebut mendapati sifat individu seperti gaya pembelajaran boleh memberi kesan kepada hasil pencapaian pelajar. Sementara itu, hasil kajian yang diperolehi daripada [4] menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi gaya pembelajaran di antara pelajar lelaki dan perempuan.



Rajah 1: Kerangka Konseptual Kajian

Satu kerangka konseptual telah dibentuk dan diubah suai daripada model Bryant (1974) dalam kajian yang telah dibuat oleh [5]. Berdasarkan kerangka konseptual yang dibentuk (ditunjukkan dalam Rajah 1), gaya pembelajaran dan dorongan motivasi akan mempengaruhi pencapaian pelajar dalam kursus EC501- Embedded Application System.

Persoalan Kajian

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar, mengenalpasti motivasi yang mendorong pelajar dan melihat sejauh mana hubungan antara gaya pembelajaran dengan dorongan motivasi pensyarah dalam mempengaruhi pencapaian pelajar dalam EC501- Embedded Application System. Kajian yang

dijalankan ini juga bertujuan untuk melihat perbezaan gaya pembelajaran pelajar bagi setiap kelas yang berbeza. Secara terperinci kajian yang dijalankan adalah untuk menjawab persoalan kajian seperti berikut:

- i. Apakah gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar dalam kursus EC501?
- ii. Apakah motivasi yang mendorong pelajar belajar?
- iii. Adakah terdapat hubungan antara gaya pembelajaran dan motivasi?

Hipotesis Kajian

Berdasarkan tujuan kajian, hipotesis telah dibina untuk melihat hubungan gaya pembelajaran dan dorongan motivasi pensyarah dalam kursus EC501 iaitu:

- i. Tidak ada perhubungan signifikan antara motivasi dan gaya pembelajaran

Metodologi

Rekabentuk Kajian

Kajian yang dijalankan ini adalah merupakan kajian tinjauan. Kaedah ini dipilih kerana limitasi masa yang terhad dan mempertimbangkan dari segi kos dan tenaga. Di samping dapat mengumpul jawapan responden dengan cepat, ia juga banyak digunakan dalam kajian untuk menghuraikan sikap, pendapat, kepercayaan, perasaan, kualiti perkhidmatan, produk, tingkahlaku dan sebagainya. Kajian yang dijalankan ini juga hanya melibatkan kelompok yang kecil sahaja. Oleh demikian, penggunaan kaedah kajian tinjauan ini adalah bersesuaian.

Populasi dan Sampel Kajian

Populasi kajian adalah seramai 130 orang pelajar semester lima Diploma Kejuruteraan Elektrik (Telekomunikasi) yang mengambil kursus EC501 – Embedded Application System di Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah. Daripada jumlah populasi tersebut seramai 97 orang telah dipilih sebagai sampel dalam kajian. Pemilihan jumlah sampel ini adalah berdasarkan kepada jadual penentuan saiz sampel yang telah dikemukakan oleh model jadual Krejcie dan Cohen.

Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian untuk menjawab persoalan kajian yang telah dikemukakan. Soal selidik yang digunakan adalah berdasarkan Inventori Pembelajaran di sekolah dalam [5] yang mengemukakan empat gaya pembelajaran iaitu gaya mendalam, gaya permukaan, gaya terancang dan gaya gigih usaha. Gaya kelima, gaya dorongan telah diubah suai untuk mengukur motivasi luaran dan dalaman. Soal selidik yang dibina mempunyai lima bahagian. Susunan bahagian tersebut adalah seperti berikut:

- i. Gaya Mendalam
- ii. Gaya Permukaan
- iii. Gaya Terancang
- iv. Gigih Usaha
- v. Motivasi

Prosedur kajian

Sebelum soal selidik kajian diedarkan kepada sampel satu kajian rintis terlebih dahulu dilakukan. Seramai 30 orang telah dipilih untuk menjawab soal selidik yang dibina. Tujuan kajian rintis dijalankan adalah untuk memastikan item soalan yang digunakan bersesuaian dengan kajian, mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi. Nilai kebolehpercayaan diukur dengan menggunakan nilai pekali Cronbach Alfa dengan bantuan pakej SPSS. Setelah ujian dijalankan didapati nilai Cronbach Alpha bagi setiap bahagian ialah seperti ditunjukkan dalam Jadual 1. Secara umumnya nilai tersebut agak baik dan membolehkan instrumen ini digunakan dalam kajian.

Jadual 1: Nilai Cronbach Alpha Kebolehpercayaan

Faktor	Cronbach Alpha
Gaya Permukaan	0.847
Gaya Mendalam	0.889
Gaya Terancang	0.935
Gaya Gigih Usaha	0.923
Motivasi	0.865

Penganalisan Data

Soal selidik yang telah dikumpul, disemak bagi memudahkan data dimasukkan dan dianalisis menggunakan perisian SPSS. Dalam kajian ini, analisis yang dilakukan melibatkan statistik diskriptif dan inferensi. Penggunaan statistik diskriptif adalah bertujuan untuk mendapatkan nilai min, peratusan, kekerapan dan sisihan piawai bagi menjawab persoalan kajian pertama dan kedua. Manakala bagi statistik inferensi pula, kaedah Ujian Korelasi Pearson digunakan bagi menjawab persoalan kajian ketiga.

Dapatan Kajian

Gaya Pembelajaran Diamalkan Oleh Pelajar

Persoalan kajian pertama adalah untuk melihat gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar ketika belajar EC501- Embedded Application System. Jadual 2 menunjukkan hasil data yang diperolehi daripada 97 sampel di mana catatan min terendah adalah gaya terancang dengan bacaan 3.95. Bagi gaya mendalambacaan min adalah sebanyak 4.06 manakala gaya gigih usaha mempunyai bacaan min yang sebanyak 4.05. Manakala bagi gaya pembelajaran permukaan pula mencatatkan bacaan tertinggi sebanyak 4.15. Jadual 2 menunjukkan hasil analisa bagi min dan sishan piawai mengikut gaya pembelajaran.

Jadual 2: Skor Min Dan Sisihan Piawai Mengikut GayaPembelajaran

Faktor	Skor Min	Sisihan Piawai
Gaya Permukaan	4.15	0.44
Gaya Mendalam	4.06	0.51
Gaya Terancang	3.95	0.57
Gaya Gigih Usaha	4.05	0.57

Hasil analisis turut menunjukkan keseluruhannya nilai min bagi empat gaya tersebut tidak menunjukkan perbezaan yang banyak dan ini menunjukkan bahawa pelajar tidak hanya

menggunakan satu gaya sahaja dalam mempelajari kursus EC501 – Embedded Application System.

Gaya Pembelajaran Permukaan

Hasil analisis setiap item dalam pembelajaran gaya permukaan, didapati kebanyakan pelajar memerlukan penerangan yang terperinci oleh pensyarah mereka tentang tugas yang perlu dibuat. Kenyataan ini dapat dilihat melalui nilai min yang ditunjukkan, di manaitem tersebut menyumbang nilai minyang paling tinggi dalam gaya pembelajaran terancang sebanyak 4.35. Selain itu, pelajar juga dilihat memerlukan penerangan terperinci oleh pensyarah dalam mengambil nota, perkara yang perlu ditekankan semasa membaca dan penekanan semasa ulang kaji. Bagi catatan min terendah pula, diperolehi bahawa kebanyakan pelajar tidak menghafal nota mereka semasa mengulang kaji iaitu dengan nilai sebanyak 3.91. Hasil analisa seperti ditunjukkan dalam Jadual 3.

Jadual 3: Min dan Sisihan Piawai Item Soalan Gaya Permukaan

Bil	Faktor Pembelajaran Gaya Permukaan	Min	Sisihan Piawai
1	Memerlukan penerangan terperinci tentang kerja yang perlu dibuat	4.35	0.61
2	Memerlukan penerangan terperinci apa yang perlu dicatat semasa mengambil nota	4.34	0.57
3	Menumpukan perhatian kepada setiap fakta apabila membaca	4.13	0.69
4	Memerlukan penerangan terperinci apa yang perlu dilakukan dalam pembacaan	4.27	0.64
5	Mengingat kembali apa yang ditulis dalam nota	4.18	0.76
6	Memerlukan penerangan terperinci apa yang perlu dibuat semasa mengulang kaji	4.32	0.64
7	Membuat nota hanya tentang isi penting yang perlu dipelajari	4.27	0.72
8	Menumpukan kepada fakta apabila mengulang kaji 3.28 0.65	4.11	0.73
9	Menghafal semua fakta semasa mengulang kaji	3.99	0.87
10	Menghafal semua nota semasa membaca	3.91	0.84
11	Menulis nota yang kebanyakan mengandungi maklumat berfakta sahaja	3.95	0.80
12	Menyusun kebanyakan nota secara sistematik	4.04	0.85

Gaya Pembelajaran Mendalam

Berdasarkan hasil dapatan daripada pembelajaran mendalam dalam Jadual 4, diperolehi nilai bacaan min terendah adalah disebabkan pelajar tidak mencuba memasukkan pandangan sendiri ketika mengambil nota. Secara keseluruhannya catatan menunjukkan bahawa, gaya pembelajaran dalaman yang diamalkan oleh pelajar dalam EC501- Embedded Application system ini hanya berada pada paras sederhana sahaja.

Jadual 4: Min dan Sisihan Piawai Item Soalan Gaya Mendalam

Bil	Faktor Pembelajaran Gaya Mendalam	Min	Sisihan Piawai
1	Berbincang dengan pelajar lain tentang topik semasa mengulang kaji	4.24	0.75
2	Meringkaskan bahan penting semasa membuat nota	4.21	0.64
3	Mengenalpasti maksud yang tersirat semasa membaca sesuatu isi pelajaran	4.08	0.79
4	Merumuskan kaedah yang digunakan semasa menyelesaikan masalah	4.14	0.83
5	Meringkaskan isi pelajaran semasa mengulang kaji	4.15	0.80
6	Cuba menghubungkan pelbagai aspek semasa mengulang kaji	4.00	0.75
7	Cuba mengambil kira pelbagai aspek berhubung semasa menjawab soalan	4.11	0.66
8	Cuba mentafsirkan pertalian antara pelbagai aspek yang ditemui semasa membaca	3.99	0.71
9	Cuba bertanya kepada diri sendiri beberapa soalan daripada pembacaan	3.99	0.74
10	Cuba mencantumkan nota pelajaran daripada pelbagai sumber	3.97	0.91
11	Cuba memberi pendapat sendiri apabila berpeluang	3.96	0.76
12	Cuba memasukkan pandangan sendiri semasa mengambil nota	3.87	0.85

Gaya Pembelajaran Terancang

Melalui item yang dikemukakan dalam gaya pembelajaran terancang, hasil analisis secara keseluruhannya seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5, mendapati bahawa nilai min yang diperolehi dalam gaya pembelajaran ini adalah merupakan catatan min terendah berbanding gaya pembelajaran lain. Antara item yang diperhatikan rendah dalam gaya pembelajaran terancang adalah seperti pelajar tidak membaca, mengulang kaji dan membuat nota dengan cepat. Walaupun terdapat beberapa item yang mendapat nilai min yang rendah. Ini tidak memberi maksud pelajar tidak merancang pembelajaran mereka kerana masih terdapat item-item lain yang berada pada paras sederhana.

Jadual 5: Min dan Sisihan Piawai Item Soalan Gaya Terancang

Bil	Faktor Pembelajaran Gaya Terancang	Min	Sisihan Piawai
1	Merangka jawapan terlebih dahulu sebelum menjawab soalan ujian	3.91	0.83
2	Memperuntukkan masa yang mencukupi untuk membuat nota sendiri	4.04	0.80
3	Membaca nota sepantas mungkin	3.60	0.89
4	Memperuntukkan masa yang mencukupi untuk membuat nota yang diperlukan	3.98	0.79
5	Mencuba membuat nota secepat mungkin	3.63	0.97
6	Mencuba membuat ulangkaji secepat mungkin	3.71	0.88
7	Memperuntukkan masa yang mencukupi untuk membuat rujukan	4.11	0.73

	tambahan dengan sempurna		
8	Memperuntukkan masa yang mencukupi untuk mengulang kaji pelajaran	4.11	0.73
9	Memperuntukkan masa untuk mengulangkaji pelajaran dengan gaya sendiri	4.01	0.70
10	Merancang supaya ulang kaji pelajaran dapat dilaksanakan dengan teliti	4.16	0.72
11	Merancang kerja-kerja pelajaran dengan cukup sempurna	4.17	0.75

Gaya Pembelajaran Gigih Usaha

Berdasarkan kepada Jadual 6, Secara keseluruhannya min bagi gaya pembelajaran gigih usaha hanya berada pada paras sederhana sahaja. Didapati item untuk pelajar mencari kelemahan apabila prestasi pembelajaran menurun adalah merupakan nilai min tertinggi. Data kajian turut menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar banyak bergantung kepada pensyarah dan tidak berdikari kerana sentiasa menunggu arahan daripada pensyarah untuk membaca dan mengulang kaji pelajaran.

Jadual 6: Min dan Sisihan Piawai Item Soalan Gaya Gigih Usaha

Bil	Faktor Pembelajaran Gigih Usaha	Min	Sisihan Piawai
1	Mencari punca kelemahan apabila prestasi menurun	4.22	0.68
2	Menggunakan beberapa buku lain untuk membuat tugas selain nota yang diberikan pensyarah	3.99	0.80
3	Menyiapkan sesuatu tugas secepat mungkin	3.99	0.81
4	Membuat nota sendiri apabila ada kesempatan	4.07	0.70
5	Berusaha menyelesaikan masalah <i>embedded application system</i> walaupun ia sukar	4.19	0.83
6	Membaca apa yang perlu tanpa menunggu arahan pensyarah	3.94	0.85
7	Mengulang kaji semua topik tanpa menunggu arahan pensyarah	3.97	0.86
8	Menyiapkan tugas lebih awal dari masa yang ditetapkan oleh pensyarah	4.08	0.80
9	Membuat latihan yang banyak secara sendiri	4.03	0.77
10	Mengulangi latihan yang telah di buat beberapa kali untuk menambah kefahaman	4.08	0.72
11	Menggunakan beberapa buah buku lain selain nota pensyarah sebagai rujukan	3.91	0.75
12	Berjumpa dengan pensyarah untuk bertanya masalah <i>embedded application system</i> yang sukar untuk diselesaikan sendiri.	4.10	0.86

Motivasi

Secara keseluruhannya analisis yang dilakukan dalam kajian ini juga ingin melihat faktor motivasi di kalangan pelajar. Jadual 3 menunjukkan analisa min dan sisihan piawai bagi dorongan motivasi dalaman dan luaran. Hasil daripada analisis didapati, nilai min motivasi dalaman lebih tinggi berbanding motivasi luaran seperti ditunjukkan dalam Jadual 3.

Jadual 3: Min dan Sisihan Piawai Dorongan Motivasi

Bil	Dorongan Motivasi	Min	Sisihan Piawai
1	Motivasi Dalaman	4.28	0.65
2	Motivasi Luaran	3.96	0.69

Jadual 8: Min dan Sisihan Piawai Item Soalan Motivasi

Bil	Faktor Dorongan Motivasi	Min	Sisihan Piawai
Dalaman			
1	Berserah sahaja apabila ketinggalan dalam pelajaran	4.22	0.89
2	Ingin mempunyai markah yang tinggi daripada pelajar lain	4.34	0.78
3	Merasa tidak bersalah apabila tidak menunjukkan prestasi yang baik dalam pelajaran	4.23	0.80
4	Ingin melakukan tugas yang lebih baik daripada pelajar lain	4.30	0.74
5	Merasa satu kerugian apabila ketinggalan dalam kerja-kerja akademik	4.33	0.69
Luaran			
6	Ingin Pensyarah tahu dia adalah pelajar terbaik	3.72	0.95
7	Ingin pensyarah tahu dia adalah pelajar yang boleh diharap	3.86	0.92
8	Merasa seronok bersaing dengan pelajar lain dalam kerja-kerja akademik dan tugas	4.12	0.77
9	Ingin tunjuk kepada pensyarah bahawa dia telah mencuba sedaya upaya	4.05	0.87
10	Menerima kritikan apabila pensyarah mengkritik tugasannya	4.05	0.82

Daripada analisis setiap item dalam dorongan motivasi pula seperti dalam Jadual 8, diperolehi bahawa kebanyakan pelajar bersikap ingin bersaing di antara satu sama lain seperti ditunjukkan dalam item motivasi dalaman. Pelajar dilihat inginkan markah yang lebih tinggi berbanding pelajar lain. Ini ditunjukkan melalui nilai skor min yang diperolehi mencapai nilai tertinggi. Perkara yang sama turut diperolehi dalam item soalan motivasi luaran, di mana pelajar merasa seronok bersaing dengan pelajar lain dalam kerja-kerja akademik juga mencatatkan nilai min tertinggi. Namun begitu, bagi dorongan motivasi luaran terdapat juga item yang rendah iaitu ingin pensyarah mereka tahu mereka adalah pelajar terbaik dan ingin pensyarah tahu mereka adalah pelajar yang boleh diharap.

Hubungan Gaya Pembelajaran dan Motivasi

Berdasarkan kepada Jadual 9, hasil analisis korelasi mendapati terdapat korelasi positif yang sederhana antara gaya pembelajaran mendalam dan motivasi dalaman ($r = 0.40$) dan hubungan gaya pembelajaran mendalam dan motivasi luaran (0.35). Bagi pemboleh ubah yang lain didapati semuanya berada pada paras yang kecil sahaja. Berdasarkan kepada hasil analisis juga, nilai korelasi yang ditunjukkan menunjukkan wujudnya satu hubungan yang sempurna diantara setiap gaya pembelajaran dengan motivasi dalaman dan luaran. Semua korelasi tersebut signifikan pada aras $p < 0.05$.

Jadual 9: Pekali Korelasi Pearson Motivasi Dengan Gaya Pembelajaran

		Motivasi		
		Dalaman	Luaran	
Gaya Pembelajaran	1	Gaya Permukaan	0.17	0.16
	2	Gaya Mendalam	0.40	0.35
	3	Gaya Terancang	0.26	0.13
	4	Gaya Gigih Usaha	0.16	0.13

Perbincangan

Hasil kajian yang telah dilaksanakan mendapati bahawa keempat-empat gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar tidak menunjukkan perbezaan yang ketara. Secara keseluruhannya pelajar tidak hanya menggunakan satugaya pembelajaran sahaja dalam mempelajari kursus EC501 – Embedded Application System. Dapatan kajian yang diperolehi ini, disokong oleh kajian lepas yang telah dilakukan oleh [5] yang turut mendapat keputusan yang sama. Bagi analisa item gaya pembelajaran, didapati kebanyakan pelajar terlalu bergantung kepada apa yang disampaikan oleh pensyarah semata-mata, pelajar tiadainisiatif untuk mencari bahan tambahan. Pelajar dilihat memerlukan penerangan terperinci apa yang perlu dilakukan semasa membaca, membuat tugas dan mengulang kaji. Sikap seperti ini sudah tentulah akan merugikan pelajar itu sendiri, untuk mendapat keputusan yang cemerlang pelajar seharusnya berdikari dan berusaha gigih dalam menguasai pembelajaran dengan mencari nota-nota tambahan dan tidak bergantung sepenuhnya kepada pensyarah. Selain itu, pensyarah juga harus sedar bahawa kaedah pengajaran haruslah mengambil kira pengetahuan asas pelajar dalam bidang pengaturcaraan. Sebagai tambahan pelajar perlu didedahkan kepada bagaimana untuk membangunkan gaya pembelajaran sendiri oleh pelajar.

Bagi analisis korelasi yang telah dibuat untuk melihat hubungan antara gaya pembelajaran dan motivasi, keputusan menunjukkan bahawa hanya gaya pembelajaran mendalam dan motivasi dalaman dan hubungan gaya pembelajaran mendalam dan motivasi luaran menunjukkan nilai hubungan sederhana. Manakala bagi gaya pembelajaran yang lain keputusan yang diperolehi hanya menunjukkan hubungan berada pada paras lemah sahaja. Motivasi merupakan suatu perkara yang penting kepada pelajar terutama sekali kepada pelajar baru yang memasuki sistem pengajian di politeknik. Peralihan kepada persekitaran pembelajaran yang baru kadang kala akan menjadikan pelajar tertekan dan tidak dapat menyesuaikan diri dengan persekitaran semasa. Menurut [2], prestasi pembelajaran adakalanya dipengaruhi oleh faktor pergaulan, minat serta motivasi pelajar. Cara pembelajaran di peringkat politeknik yang memerlukan perbincangan dan kerja kumpulan menimbulkan masalah bagi mereka yang telah biasa belajar bersendirian dan tidak suka bergaul. Oleh demikian, amat perlu pelajar-pelajar ini diberikan motivasi dan didedahkan dengan gaya pembelajaran yang sesuai di politeknik. Pendekatan seperti ini boleh dilakukan dengan menganjurkan program-program seperti motivasi, klinik dan bengkel. Secara keseluruhan dalam kajian ini, bolehlah dinyatakan di sini bahawa gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar tidak mempengaruhi pencapaian mereka dalam EC501 – Embedded Application System.

Kesimpulan

Secara umumnya kajian yang dijalankan ini untuk melihat faktor gaya pembelajaran dan motivasi dalam mempengaruhi pencapaian pelajar. Bagi persoalan kajian pertama, didapati bahawa tidak wujud perbezaan ketara bagi gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar. Manakala bagi faktor motivasi, didapati nilai motivasi dalaman lebih tinggi berbanding motivasi luaran. Analisis kajian turut menemukan hubungan yang signifikan di antara gaya pembelajaran dan motivasi. Hasil analisis korelasi mendapati terdapat korelasi positif yang sederhana antara gaya pembelajaran mendalam dan motivasi dalaman, $r = 0.40$ dan hubungan gaya pembelajaran mendalam dan motivasi luaran, $r = 0.35$. Walaupun hasil dapatan menunjukkan keputusan yang sebaliknya, sebagai seorang pensyarah adalah menjadi suatu tanggungjawab yang penting untuk mengetahui gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajarannya, ini adalah kerana setiap pelajar sudah tentunya mengamalkan cara belajar yang berlainan di antara satu sama lain. Melalui maklumat ini sudah tentulah pensyarah akan lebih bersedia dan dapat merancang aktiviti pengajaran dengan lebih baik dan sesuai untuk pelajar-pelajarannya. Secara kesimpulannya, kajian ini telah dapat mengenalpasti gaya belajar dan tahap motivasi pelajar yang diamalkan oleh pelajar dalam mempelajari EC501 – Embedded Application System. Walaubagaimanapun, pengkaji tidak dapat mengenalpasti punca yang menyebabkan pelajar gagal dalam kursus ini. Oleh demikian satu kaji lanjutan perlu dilakukan bagi melihat punca-punca tersebut. Antara punca lain yang boleh dikaji adalah seperti pencapaian awal, sikap, latar belakang akademik, kualiti pensyarah dan kaedah pengajaran.

Rujukan

- [1] Mokhtar Ishak dan Rohani Ahmad. Hubungan pencapaian penyelesaian masalah matematik dengan gaya belajar dan faktor-faktor berkaitan di kalangan pelajar sekolah menengah rendah. *Prosiding seminar penyelidikan pendidikan sains dan matematik Sarawak*. 2001.
- [2] Norhani Bakri, Noor Zainab Abd. Razak, Hamidah AB. Rahman dan Aminah Ahamad Khalid. Punca prestasi pembelajaran yang lemah di kalangan pelajar Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Manusia, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor. *Jurnal Teknologi 43(E)*, 29 – 44. 2005
- [3] Nor Azan Hj Mat Zin, Halimah Badioze Zaman dan Shahrul Azman Mohd Noah. Individual instruction : Learning styles and mathematics ability diagnostic tool. *Proceeding series, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang*. 2004.
- [4] Erica A. Wehrwein, Heidi L. Lujan dan Stephen E. Dicarlo. 2007. Gender differences in learning style preferences among undergraduate physiology students. *Advances in physiology education*. 31 : 153 -157. 2007
- [5] Norlia Abd Aziz, T. Subahan M, Meerah, Lilia halim dan Kamisah Osman. Hubungan antara motivasi, gaya pembelajaran dengan pencapaian matematik tambahan pelajar tingkatan 4. *Jurnal Pendidikan 31*, 123-141. 2006.
- [6] Julie E. Sharp. Teaching teamwork communication with Kolb learning style theory. *ASEE/IEEE Frontiers in education conference proceedings*. 2001.

- [7] Chua Yan Piaw. Kaedah dan statistik penyelidikan buku 2 asas statistik penyelidikan. Kuala Lumpur : McGraw – Hill (Malaysia). 2006.
- [8] Chua Yan Piaw. Kaedah dan statistik penyelidikan buku 1 kaedah penyelidikan. Kuala Lumpur : McGraw – Hill (Malaysia). 2006.
- [9] Bamidele A. Adesunloge, Oluranti Aladesanmi, Marshaleen henriques dan Chinedu Ivonye. The preferred learning among residents and faculty members of an internal medicine residency program. *Journal of the national medical association*. Vol 100, No 2. 2008.